

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1996/97

April 1997

PGT 302 - Seminar Isu - Isu Pendidikan Semasa

Masa: [2 Jam]

ARAHAN: Jawab mana-mana TIGA soalan sahaja. Setiap soalan mempunyai nilai markah yang sama.

1. Pilih SATU 'inovasi pendidikan' yang menimbulkan banyak isu dan yang hangat diperkatakan baru-baru ini di negara kita. Untuk inovasi pendidikan yang anda pilih itu jawab perkara-perkara berikut:
 - a) Apakah inovasi itu? Jelaskan bentuk dan coraknya.
 - b) Mengapakah inovasi itu menimbulkan isu?
 - c) Bagaimanakah anda akan menangani isu-isu yang timbul itu sekiranya anda diberi tanggungjawab?

2. Anda telah diamanahkan oleh sekolah anda untuk menyediakan sebuah kertas kerja mengenai SATU daripada program-program berikut untuk dibincangkan dalam mesyuarat guru.
 - a) Program Sekolah Penyayang
 - b) Kemahiran Berfikir di kalangan Guru
 - c) Pendidikan Alam Sekitar

Sila tulis dengan ringkas contoh kertas kerja program yang anda pilih itu. Nyatakan isu-isu yang anda jangkakan akan timbul dan bagaimana ia boleh ditangani.

...2/-

3. **Dasar Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan peratusan pelajar aliran sains kepada 60% telah menimbulkan minat pelbagai pihak terhadap isu-isu berhubung dengan pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Sains dan Matematik. Bincangkan isu-isu yang dibangkitkan itu dan pada pendapat anda apakah tindakan yang wajar diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mencapai matlamat dasar tersebut.**
4. **Pada pandangan anda adakah faktor-faktor global atau faktor-faktor sekolah yang lebih menyumbang kepada isu gejala sosial di kalangan remaja di negara ini. Beri ulasan anda secara kritis.**
5. **Walaupun peluang pendidikan tinggi di negara Malaysia semakin bertambah melalui usaha pihak kerajaan dan swasta, sifat 'elitis' nya masih belum dapat dikikis. Bahaskan pendapat ini dengan memberi contoh-contoh untuk menyokong hujah anda.**

- 000000 -